

Suara

EDISI JAN - JUN 2023

 MITASA



MITASA

50 Tahun MITASA Terus Melangkah

- Ulang Tahun ke 50 dan EGM MITASA
- Program Kayuhan Santai Merdeka
- Merdeka Hari Tua bersama KWSP
- Kejohanan Bowling Hari Akademia
- NR-Mitasa Foodbank bantu pelajar dan kakitangan

Ulang tahun ke-50 penubuhan MITASA-UiTM



Sejak 50 tahun penubuhannya, Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM atau MITASA kekal komited dalam menjaga hak serta kebajikan ahli-ahli akademiknya sekaligus menyaksikan sambutan Jubli Emas pada tahun 2022 yang cukup bermakna dengan persediaan yang tersendiri.

Penubuhan MITASA iaitu sejak 50 tahun bukanlah suatu tempoh masa yang singkat dan jika dibandingkan dengan usia manusia, tentu sekali 50 tahun mencerminkan kedewasaan dan kematangan seseorang serta menggambarkan pengalaman serta liku-liku hidup yang telah dilalui. Begitulah juga halnya dengan sesebuah

organisasi yang telah bertahan sehingga mencecah usia Jubli Emas.

Peranan MITASA juga amat ketara bagi menjaga kebajikan dan kepentingan kakitangan akademik, terutamanya memberikan komitmen, cadangan dan input kepada universiti dalam tempoh-tempoh yang sukar jelas menggambarkan perasaan cinta dan kasih yang mendalam terhadap institusi keramat ini.

MITASA juga menganjurkan Majlis Makan Malam Jubli Emas sebagai kemuncak program MITASA 50 tahun yang turut menjemput ahli dan kepimpinan tertinggi UiTM, kepimpinan MITASA yang terdahulu dan wakil-wakil agensi.

Majlis berkenaan telah diadakan di Hotel UiTM pada 15 Oktober 2022.

Pada malam tersebut, turut diadakan majlis penyampaian hadiah pertandingan Anugerah Khas kepada ahli melibatkan lima kategori iaitu Anugerah Ahli (Pensyarah) Menyinar, Anugerah Ahli (Pensyarah) Prolifik, Anugerah Ahli (Pensyarah) Versatil/Serba boleh, Anugerah Ahli (Pensyarah) Aktif dan Anugerah Ahli (Pensyarah) Harapan.

MITASA turut mengadakan penganjuran beberapa program sempena dengan ulang tahun tersebut seperti forum, sukan dan majlis makan malam.